

PEMUPUKAN TRET ALTRUISME MENERUSI PROGRAM BERCORAK KEUSAHAWANAN SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI DI MALAYSIA

(*INCULCATING THE TRAIT OF ALTRUISM THROUGH SOCIAL ENTREPRENEURSHIP
PROGRAM AMONG UNIVERSITY STUDENTS OF MALAYSIA*)

Hariyaty Ab Wahid¹
hariyaty@fpe.upsi.edu.my

Wan Salmuni Wan Mustaffa²
Rafiduraida Abdul Rahman³
Noor Lela Ahmad⁴
Muhd Khairuddin Lim Abdullah⁵

Pensyarah^{1,2,3,4,5}
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

Abstract: *University students are the potential human capital that must be developed with appropriate skills and good values to form an exemplary personal quality. In this regard, they are encouraged to be exposed to social entrepreneurship programs that allow them to apply entrepreneurial skills in solving community problems in the environment. Such programs are expected to foster the altruism character or trait which is the act of assisting others voluntarily without expecting any remuneration or reward. Altruism needs to be fostered in order for noble personal values to be manifested among university students. This include the willingness to sacrifice their time, energy, materials and ideas to solve social problems or helping others in need. Hence, this conceptual paper aims to examine the concepts and theories related to altruism as well as social entrepreneurship and relevant proposals to be guided towards nurturing altruism through social entrepreneurship programs in universities.*

Keywords: *altruism, social entrepreneurship, university students*

Abstrak: *Pelajar universiti merupakan bakal modal insan yang perlu digarap dengan kemahiran dan nilai murni yang bersesuaian untuk membentuk kualiti peribadi teladan. Sehubungan itu, mereka disaran agar didedahkan dengan program bercorak keusahawanan sosial yang memberi ruang untuk mereka mengaplikasi kemahiran keusahawanan dalam menyelesaikan masalah masyarakat di persekitaran. Program sedemikian diharap dapat memupuk ciri atau tret altruisme yang merupakan tindakan membantu orang lain secara sukarela yang dilakukan tanpa mengharapkan sebarang ganjaran atau imbuhan. Altruisme perlu dipupuk agar nilai peribadi mulia dapat dimanifestasikan dalam diri pelajar universiti. Perkara ini meliputi kesanggupan berkorban waktu, tenaga, material mahupun idea untuk bersama-sama menyelesaikan masalah sosial atau membantu insan lain yang memerlukan. Justeru, kertas kerja konseptual ini bertujuan mengupas konsep dan teori berkaitan altruisme serta keusahawanan sosial serta cadangan yang relevan untuk dijadikan panduan ke arah memupuk altruisme menerusi program keusahawanan sosial di universiti.*

Keywords: *altruisme, keusahawanan sosial, pelajar universiti*

2018 JGBSE

Pengenalan

Di Malaysia, kerajaan melalui sistem pendidikan tingginya amat menitikberatkan pendidikan keusahawanan sebagai salah satu platform untuk menggarap dan membentuk personaliti unggul usahawan dalam kalangan pelajar universiti di peringkat tertiar. Hal ini terbukti menerusi Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP Ke-3) yang menzahirkan pendidikan keusahawanan sebagai salah satu strategi ke arah meningkatkan bilangan tenaga mahir, berkebolehan membangunkan inovasi dan teknologi serta sekaligus menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menceburi bidang perniagaan menjelang tahun 2020. Ekoran itu, budaya makan gaji diharap dapat dikurangkan sekiranya bilangan usahawan dapat ditingkatkan. Ini adalah usaha bertemali yang ada kaitannya dari pendidikan peringkat menengah yang telah lebih awal mendedahkan pelajar sekolah menengah dengan pendidikan keusahawanan melalui subjek Kemahiran Hidup bagi pelajar Tingkatan Satu hingga Tiga dan subjek Perdagangan bagi pelajar Tingkatan Empat hingga Lima. Hal ini bertujuan untuk menarik minat pelajar untuk menceburi bidang tersebut pada masa akan datang (Farhana, 2013; Norhamizah 2017).

Di peringkat pengajian tinggi, universiti awam diwajibkan menawar program dan kursus berkaitan pendidikan keusahawanan sejak tahun 2007. Keadaan ini diperteguhkan lagi dengan wujudnya Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT pada tahun 2010 yang membuka luas ruang kepada pelajar menceburi dan mengaplikasi pengetahuan serta pengalaman sedia ada dalam dunia keusahawanan yang sebenar (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007; Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT 2010). Untuk tujuan tersebut, kerajaan telah memperuntukkan wang bagi mengadakan pelbagai kursus keusahawanan dengan harapan dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing serta sekaligus menjadikan insan yang seimbang dengan pelbagai aspek (Abdul Aziz, et.al, 2011) kerana bidang ini adalah salah satu mekanisme yang praktikal bagi mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan graduan (Hashim & Radio, 2011).

Melalui platform keusahawanan juga, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) disaran agar menerapkan keusahawanan sosial kepada pelajar bagi melahirkan graduan yang altruistik dan holistik. Oleh kerana keusahawanan sosial ini masih baru sama ada di dalam mahupun di luar negara, maka wujud beberapa isu dalam mendidik, menerap dan membudayakan keusahawanan sosial. Antara isu yang sering dibincangkan adalah berkaitan kurangnya kesedaran dalam kalangan ahli akademik mengenai kepentingan pembudayaan keusahawanan sosial. Faktor kesedaran ini adalah merupakan faktor kritikal dalam menentukan penerimaan dan implementasi konsep tersebut di IPT. Selain itu, ahli akademik dan pegawai kanan IPT masih kurang jelas mengenai ciri-ciri keusahawanan sosial itu sendiri sebelum ia dibudayakan.

Berdasarkan isu-isu tersebut, setiap sekolah, fakulti pendidikan atau fakulti perniagaan disaran agar bertindak balas terhadap aliran keusahawanan sosial yang semakin popular serta memenuhi keperluan pelajar yang berminat dengan keusahawanan sosial melalui program ijazah dan sarjana keusahawanan yang ditawarkan. Pelajar universiti perlu digarap dengan keusahawanan sosial ekoran aspek penguasaan kemahiran asas insaniah yang masih minimum, ketidakupayaan menguasai kemahiran sosial dengan baik serta tidak menonjolkan akhlak yang berkesan dalam masyarakat. Selain itu, terdapat juga sebilangan pelajar universiti yang dilaporkan bersikap mementingkan diri sendiri dan tidak gemar membantu rakan sekuliah, apatah lagi untuk terlibat dengan aktiviti berunsur khidmat komuniti di luar kampus. Maka, keusahawanan sosial merupakan satu platform pendidikan yang dijangka berupaya membuka peluang kepada pelajar universiti untuk mengasah kemahiran sosial, membina jati diri, berdaya keusahawanan dan bersikap lebih altruistik (Hariyaty et al. 2013).

Oleh yang demikian, kertas kerja konseptual ini bertujuan menengupas konsep dan teori berkaitan altruisme serta keusahawanan sosial serta cadangan yang relevan untuk dijadikan panduan ke arah memupuk altruisme menerusi program keusahawanan sosial di universiti.

Konsep Altruisme

Altruisme ialah tindakan sukarela yang dilakukan seseorang atau sekelompok orang untuk menolong orang lain tanpa mengharap ganjaran mahupun imbuhan. Tret keperibadian altruistik dikesan apabila seseorang itu menunjukkan kesediaan untuk berkorban waktu, tenaga atau material untuk kepentingan kebahagiaan atau kesenangan orang lain tanpa mengharap sesuatu ganjaran selepas perlakuan tersebut. Mereka dapat menikmati dan merakan kepuasan yang tersendiri ekoran perbuatan membantu orang lain yang dilaksana. Altruisme juga ditakrif sebagai suatu keminatan untuk membantu orang lain serta sikap yang tidak mementingkan diri sendiri secara semulajadi dalam menolong orang lain. Altruisme disifatkan sebagai tindakan yang dilaksanakan tanpa mengharap keuntungan peribadi. Seseorang individu itu dikatakan sebagai seorang yang altruis apabila ia berperanan memberi sesuatu, berempati dengan tidak ada keinginan untuk memperoleh imbuhan dari gerak kerjanya (Garliah & Wulandari, 2003). Justeru, tret altruisme ini perlu dipupuk agar nilai peribadi mulia yang sanggup berkorban waktu, tenaga, material mahupun idea untuk bersama-sama menyelesaikan masalah sosial atau membantu insan lain yang memerlukan dapat dijelmakan dalam kalangan pelajar universiti.

Teori Empati-Altruisme

Empati adalah respon emosional yang berhubung dengan perasaan orang lain, ketika seseorang melihat orang lain berada dalam keadaan *distress*, mereka ikut merasakan perasaan orang tersebut. Pengalaman empati yang tulus ini memotivasi seseorang untuk mengurangi *distress* atau kesedihan orang lain dengan berperilaku altruistik. Hakikatnya, Teori Empati-Altruisme menjelaskan bahawa emosi empati manusia terhadap kemaslahatan manusia lain adalah motivasi utama yang menjadikan seseorang individu itu altruistik. Dengan kata lain, sikap individu yang tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa mendahulukan orang lain dalam tindakannya adalah fokus utama altruisme (Batson et al. 1981). Teori berdasarkan altruism ini dikaitkan dengan tindakan yang meningkatkan kebajikan insan lain. Adakah manusia boleh menjadi sebenar-benar altruistik? Adakah empati sahaja yang dirasai manusia dan tiada sebarang kecenderungan untuk membantu insan lain? Teori ini mampu menjelaskan kenapa manusia berkecenderungan untuk bertingkah laku secara altruistik dalam situasi yang membangkitkan empati.

Secara teoritikal, pendekatan altruistik mengekalkan makna 'sebenar' altruisme seperti yang pernah didefinisi oleh Batson et al. (1981). Di sini, motivasi yang diarahkan kepada matlamat meningkatkan kesejahteraan orang lain dan perasaan ganjaran diri atau pengurangan kesusahan diri adalah hasil sampingan daripada tindakan ini. Walau bagaimanapun, penyokong 'keperibadian altruistik' menggambarkan seorang yang *altruist* sebagai seseorang yang mempunyai *standard* keadilan yang lebih tinggi, mempamerkan tanggungjawab sosial yang jelas, menjelmakan tindakan berdasarkan pemikiran kritis ala usahawan yang mementingkan kebajikan masyarakat, kaya dengan nilai etika dan moral serta lebih empati terhadap perasaan serta hak orang lain.

Keusahawanan Sosial

Dalam konteks barat, keusahawanan sosial dianggap sebagai usahaniaga yang bukan berasaskan keuntungan tetapi mencipta nilai sosial atau perubahan dengan menangani cabaran sosial menggunakan inovasi, proses inovatif, atau menguruskan strategi dana oleh mereka yang memiliki daya keusahawanan dan etika yang tinggi (Mair & Marti 2005). Manakala di Asia yang meliputi kebanyakan negara membangun, definisi keusahawanan sosial sama dengan istilah di atas kecuali ia turut memerlukan keuntungan kewangan dan memerlukan bukan sahaja kepimpinan keusahawanan sosial tetapi juga usahawan akar umbi (Bornstein 2007). Menurut Nicholls dan Cho (2008), keusahawanan sosial ialah satu siri aktiviti organisasi yang meliputi tiga kategori penting iaitu kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran.

Tuntasnya, setiap individu sememangnya mempunyai peluang untuk menjadi usahawan sosial (Sommerrock 2010; Seymour 2012). Namun begitu, perbezaan antara usahawan sosial dengan usahawan komersial ialah dari segi kesediaan mereka untuk mencipta kreativiti, inovasi dan sanggup mengambil risiko bagi menyelesaikan masalah masyarakat secara inovatif di samping mempertingkatkan potensi diri dengan menggunakan peluang keusahawanan sosial yang ada. Oleh demikian, ciri-ciri asas usahawan perlu ada dalam diri seorang usahawan sosial tanpa mengira peluang keusahawanan sosial yang diceburi (Hariyaty 2014; Norasmah et. al, 2012).

Pemupukan Tret Altruisme Menerusi Program Bercorak Keusahawanan Sosial di Universiti

Dalam konteks keusahawanan sosial, tindakan atau tingkah laku keusahawanan sosial dipercayai dimotivasikan oleh emosi empati-altrusitik ini. Usahawan sosial yang peka terhadap kemaslahatan masyarakat di sekelilingnya akan mengenal pasti sebarang peluang untuk membantu meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat di persekitarannya secara sukarela tanpa menginginkan sebarang imbal balas. Demikian itu, generasi modal insan yang akan dihasilkan bukan semata-mata yang berfokus keuntungan kewangan dan material semata-mata, malah perlu mendahului keperluan dan kemaslahatan orang lain berbanding agenda peribadi (Wang et al. 2013). Maka, konsep keusahawanan sosial juga dikatakan satu mekanisme penting dalam melahirkan seseorang usahawan sosial dalam kalangan graduan yang bukan saja faham dan peka akan permasalahan yang dihadapi masyarakat di sekelilingnya, tetapi mempunyai kemahiran keusahawanan bagi mengangkat taraf masyarakat dalam bidang ekonomi, kebajikan, pendidikan serta kesihatan.

Setelah mengambil kira pandangan daripada literatur keusahawanan tradisional dan bukti anekdot dalam bidang keusahawanan sosial, Mair dan Noboa (2003) dan Mazura (2015) mengusulkan bahawa tingkah laku dan tekad untuk mewujudkan usaha teroka sosial dipengaruhi oleh keinginan serta kebolehlaksanaan terhadap usaha teroka sosial tersebut. Keinginan terhadap usaha teroka terdiri daripada elemen sikap yang meliputi empati dan pertimbangan moral. Manakala kebolehlaksanaan usaha teroka sosial tertanggung pula meliputi elemen sokongan sosial dan kepercayaan terhadap efikasi sendiri. Ia juga adalah keupayaan secara intelektual dan emosional untuk berkongsi emosi atau perasaan orang lain. Empati juga merupakan satu ciri keperibadian yang stabil untuk dikaji. Maka, adalah tidak bersalahan sekiranya kajian keusahawanan sosial banyak dimulakan dengan aspek keperibadian bagi meninjau beberapa fenomena yang berkaitan dengan individu mahupun organisasi yang menggerakkan usaha-usaha tertentu.

Jika dilihat dari sudut pembinaan modal insan untuk keperluan negara, kualiti yang wujud dalam diri usahawan sosial yang memiliki tret altrusitik perlu dibudayakan kepada pelajar (Hariyaty et al. 2016). Pelajar universiti yang menceburi aktiviti keusahawanan sosial dengan tret altruisme dapat dikenal pasti apabila dia memiliki kriteria berikut:

- i. empati - kemampuan merasa, memahami dan peduli akan perasaan yang dialami orang lain.
- ii. sukarela - tidak ada keinginan untuk mendapatkan imbuhan balas.
- iii. keinginan membantu - keinginan yang kuat untuk memberi bantuan kepada orang lain tanpa diketahui oleh sesiapa pun.

Tret di atas bersesuaian dengan ciri usahawan sosial dilihat sebagai individu yang mempunyai penyelesaian inovatif kepada masalah sosial yang sedang dihadapi oleh masyarakat (Radin Siti Aishah et al. 2016). Selain di atas, mereka juga merupakan individu yang membantu ke arah kemajuan ekonomi dengan mencari cara baru atau cara yang lebih baik untuk melaksanakan sesuatu. Apa yang menarik berkaitan usahawan sosial ialah mereka merupakan pemimpin keusahawanan sosial yang terdiri daripada manusia biasa yang membuat perkara-perkara yang luar biasa (Brooks 2009; Verma 2009).

Oleh yang demikian, pelajar universiti perlu diberi dorongan dan galakan berterusan ke arah membina tekad keusahawanan sosial mereka. Dalam konteks barat, keusahawanan sosial dianggap sebagai usahaniaga yang bukan berasaskan keuntungan tetapi mencipta nilai sosial atau perubahan dengan menangani cabaran sosial menggunakan inovasi, proses inovatif, atau menguruskan strategi dana oleh mereka yang memiliki daya keusahawanan dan etika yang tinggi (Mair & Marti 2005). Manakala di Asia yang meliputi kebanyakan negara membangun, definisi keusahawanan sosial sama dengan istilah di atas kecuali ia turut memerlukan keuntungan kewangan dan memerlukan bukan sahaja kepimpinan keusahawanan sosial tetapi juga usahawan akar umbi (Bornstein 2007).

Menurut Nicholls dan Cho (2008), keusahawanan sosial ialah satu siri aktiviti organisasi yang meliputi tiga kategori penting iaitu kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran. Kesosialan adalah satu dimensi di mana sesebuah organisasi berusaha dengan niat untuk mencapai kemajuan objektif sosial secara efektif (Nicholls & Cho 2008). Kenyataan Nichols dan Cho tersebut adalah bertepatan dengan kajian Marshall (2010), serta Nga dan Shamuganathan (2010) yang mempersetujui bahawa pengorganisasian keusahawanan sosial mengandungi elemen kesosialan yang sebenar mencakupi misi sosial yang eksplisit yang akan mempengaruhi bagaimana usahawan sosial menanggapi dan menilai peluang.

Hakikatnya, keusahawanan sosial adalah satu pendekatan keusahawanan yang usianya masih di peringkat bayi dan berkembang seiring dengan pendidikan keusahawanan itu sendiri (Bornstein & Davis 2010; Gatchalian 2010; Megre et al. 2012; Suraya & Ahmad Rafflis 2015). Namun, pendekatan dan nilai keusahawanan yang diketengahkan menerusi keusahawanan sosial ini amat besar ertinya terhadap pertumbuhan modal insan yang dinamik, perubahan sosial dan juga ekonomi sesebuah negara (Mohammad Reza et al. 2010). Dimensi keusahawanan sosial yang didasari oleh beberapa elemen khusus yang jelas, berupaya untuk menzahirkan modal insan yang inovatif, tidak anti sosial dan berorientasikan pasaran (Hariyaty et al. 2016).

Dalam konteks keusahawanan sosial dari lensa dimensi inovasi, usahawan sosial yang menggiatkan aktiviti keusahawanan sosial dikaitkan sebagai agen perubahan untuk masyarakat (Suraini et al. 2016). Mereka akan memanfaatkan peluang yang tidak disedari oleh orang lain seperti berusaha memperbaiki sistem dalam masyarakat, mencipta pendekatan baru, pemangkin perubahan dan mewujudkan penyelesaian yang berdaya tahan ke arah kebaikan masyarakat sejagat (Nicholls & Cho 2008). Usahawan sosial tidak seperti usahawan perniagaan yang bermotifkan keuntungan, sebaliknya mereka bermotivasi untuk meningkatkan taraf masyarakat, menjadi agen perubahan untuk masyarakat, memanfaatkan peluang yang tidak disedari oleh orang lain untuk memperbaiki sistem, mencipta pendekatan baru dan mencari penyelesaian untuk mengubah masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik. Jiwa agen perubahan sosial yang dimiliki oleh mereka akan lebih 'altruist' dengan memfokuskan penyelesaian masalah masyarakat secara inovatif.

Sehubungan itu, usaha dan galakan terhadap keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar memerlukan strategi pendidikan yang terancang bagi merealisasikan kewujudan tekad untuk menjadi usahawan sosial yang altruistik kelak. Tekad atau niat terhadap sesuatu tingkah laku (behavioral intention) telah dikenal pasti sebagai indikator terbaik untuk tingkah laku terancang, terutamanya jika tingkah laku tersebut jarang berlaku, sukar diperhatikan dan melibatkan jangka masa yang tidak dapat ditentukan. Tekad merupakan petunjuk kepada

bagaimana sukarnya seseorang yang mahu mencuba dan sebanyak mana usaha yang dirancang untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku (Zaidatol Akmaliah 2009).

Menurut Teori Tingkah Laku Terancang, tekad untuk menceburi atau melakukan sesuatu azam dipengaruhi oleh tiga komponen iaitu sikap seseorang dalam melakukan sesuatu, tekanan sosial tertanggap (*perceived social pressure*) yang dinamakan norma subjektif dan tingkah laku kawalan tertanggap (*perceived behavioral control*). Situasi ini sering berlaku dalam bidang keusahawanan termasuk keusahawanan sosial di mana mengenal pasti peluang dan menjadi usahawan adalah tingkah laku terancang. Maka, keusahawanan sosial juga boleh dikategorikan sebagai suatu tingkah laku terancang yang sesuai dianalisa melalui model-model tekad (Mohar et al. 2008; Mueller 2010). Jelasnya, program keusahawanan sosial yang digiatkan dalam pendidikan keusahawanan adalah berkesan di dalam membangunkan efikasi sendiri keusahawanan dan seterusnya berpotensi meningkatkan tekad pelajar untuk menceburi keusahawanan sosial. Oleh yang yang demikian, program seumpama ini wajar dan perlu dipergiatkan.

Cadangan dan Kesimpulan

Antara langkah yang boleh dilaksana ke arah menggarap ciri altruisme menerusi program bercorak keusahawanan sosial ialah dengan menerapkan elemen altruisme dalam program bercorak keusahawanan sosial dengan menyediakan peluang pelajar menjayakan projek melibatkan komuniti secara *hands on* dan tidak hanya berdasarkan teori dalam bilik kuliah semata-mata. Pelajar perlu diberi ruang untuk menganjur dan menjayakan program yang mampu memberi manfaat pada komuniti secara kreatif agar mereka dapat menjelmakan tret altruisme secara jelas. Misalnya, dengan menganjurkan program membantu komuniti anak yatim, warga emas, orang kurang upaya dan gelandangan.

Selain itu, projek keusahawanan sosial yang dirancang dan bakal dilakukan mestilah berfokus kepada isu memenuhi kebajikan komuniti baik dari segi ekonomi, sosial mahupun persekitaran. Pelajar perlu dipupuk dengan kesedaran awal bahawa mereka adalah agen perubahan sosial yang perlu terlebih dahulu meletakkan diri mereka dalam kondisi komuniti yang ingin dibantu. Tindakan ini kebiasaannya akan menerbit empati dan simpati terhadap komuniti yang ingin dibantu. Perasaan sukarela akan dapat diwujudkan.

Secara amnya, keusahawanan sosial yang kaya dengan nilai altruisme perlu dibudayakan kepada pelajar di peringkat tertiar dengan pendedahan terhadap aktiviti keusahawanan sosial yang meliputi aktiviti atau proses yang menggunakan kemahiran keusahawanan, melibatkan inovasi serta pengambilan risiko dalam melaksanakan perubahan sosial dalam sesuatu tempoh masa, melibatkan seluruh atau sebahagian masyarakat dalam proses melaksanakannya serta impak dari proses tersebut adalah untuk masyarakat tersebut secara spesifik.

Berdasarkan rangkuman Teori Empati-Altruisme dan Model Dimensi Keusahawanan Sosial yang dibincangkan di atas, dicadangkan agar pemupukan insan yang ikhlas dalam melakukan tanggungjawab sosial dapat dijelmakan menerusi program/aktiviti keusahawanan sosial di universiti dengan memperkasa isi kandungan program/aktiviti tersebut. Pengisian program atau aktiviti Keusahawanan Sosial dengan pemupukan Tret Altruisme dicadangkan merangkumi perkara-perkara berikut:

1. Pengetahuan dan kefahaman mengenai konsep Altruisme dalam Misi Aktiviti/Program Keusahawanan Sosial.
2. Penetapan objektif program/aktiviti yang mengandungi pemupukan empati, kesukarelaan dan keinginan membantu sesama insan dalam komuniti.
3. Penyediaan proposal program/aktiviti keusahawanan sosial.
4. Perlaksanaan aktiviti/progran keusahawanan sosial berpandukan Dimensi Keusahawanan Sosial iaitu Inovasi, Kesosialan dan Orientasi Pasaran.
5. Penilaian program/aktiviti keusahawanan sosial dengan menyediakan set ujian atau instrumen pengukuran yang setara bagi menilai kemenjadian tret altruisme yang dihasratkan.

Justeru, perbincangan dalam kertas konsep ini diharap dapat memerihal berkaitan pemupukan altruisme menerusi program keusahawanan sosial yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat akademik dan pengurusan di universiti. Selain itu, komuniti juga di harap memperoleh kebaikan daripada pemupukan altruisme ini dengan membuka peluang dan ruang kolaborasi dengan pihak universiti agar dapat menerima kreativiti serta idea inovatif pelajar untuk bersama-sama menyelesaikan masalah masyarakat. Dengan itu, diharapkan agar pembangunan modal insan yang menyeluruh bagi mewujudkan generasi dan komuniti dengan upaya usahawan sosial yang altruistik dapat dizahirkan di masa akan datang.

Penghargaan

Kertas kerja konsetual ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Universiti (2017) tajaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (2017-0158-106-01).

Rujukan

- Abdul Aziz, N. A., Ismail Saliyan, Mohammad, M. K. A., Mohamad Rofie, M. F., Jurisda Risno & Umar, N. M. S. (2011). *Keusahawanan Di Salah Sebuah Institut Pendidikan Guru Sarawak*.
- Batson, C., Duncan, B. D., Ackerman, P., Buckley, T., & Birch, K. (1981). Is Empathic Emotion a Source of Altruistic Motivation?. *Journal Of Personality & Social Psychology*, 40(2), 290-302.
- Bornstein, D. (2007). *How to Change the World: Social Entrepreneurs and The Power of New Ideas*. Ulang cetak. USA: Oxford University Press.
- Bornstein, D. & Davis, S. (2010). *Social Entrepreneurship: What Everyone Needs to Know*. USA: Oxford University Press.
- Brooks, A. C. (2009). *Social Entrepreneurship: A Modern Approach to Social Value Creation*. New Jersey: Prentice Hall.
- Farhana R. (2013). *Pembudayaan Keusahawanan Ke Arah Mempengaruhi Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Bakal Graduan Di UTHM*. Laporan Projek Sarjana. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Hashim S., & Radio N. (2011). *Ciri Personaliti Keusahawanan Pelajar Tahun 2 SPH*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.
- Hariyaty Ab Wahid. (2014). *Keusahawanan Sosial, Daya Tahan dan Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan UKM Bangi.
- Hariyaty Ab Wahid, Norasmah Othman & Suria Mohd Salleh. (2013). *Social entrepreneurship contributions on the competitiveness of active students in the Students in Free Enterprise Program (SIFE) Malaysia*. Proceedings of 6th International Seminar on Regional Education UKM-UNRI2013, hlm.1919-1929.
- Hariyaty Ab Wahid, Noor Lela Ahmad, Norasmah Othman & Wan Salmuni Wan Mustaffa. (2016). *Kesosialan, Inovasi dan Orientasi Pasaran dalam Kalangan Pelajar Aktif Keusahawanan Sosial di Universiti Awam Malaysia*, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 1(2): 1-9.
- Kementerian Pendidikan Tinggi (2016). *Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020*. (diakses pada 10 Februari 2017) <http://www.mohe.gov.my/index.php/fokus/231-pelan-tindakan-keusahawanan-ipt-2016-2020>.
- Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-universiti Malaysia. (2007). *Asas Pembudayaan Keusahawanan*. Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Litzky, B.E., Godshalk, V.M. & Walton-Bongers, C. (2010). *Social entrepreneurship and community leadership: a service-learning model for management education*. *Journal of Management Education* 34(1): 142-162.
- Mair, J. & Marti, I. (2005). *Social entrepreneurship research: a source of explanation, prediction and delight*. Kertas Kerja. Anjuran IISE Business School-University of Navarra, Spain. Mac 2004.
- Mair, J. & Noboa, E. (2003). *Social entrepreneurship: How intentions to create a social enterprise get formed*. *Working Paper*. IESE Business School- Universidad of Navarra, hlm 1-20.
- Marshall, R.S. (2010). *Conceptualizing the international for-profit social entrepreneur*. *Journal of Business Ethic*. Springer Published Online [10 Julai 2010].

- Mazura Mansor. (2015). Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Konsultasi Terhadap Tekad Keusahawanan Pelajar Politeknik. Tesis Dr. Falsafah yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi, Malaysia.
- Megre, R., Martins, M.A. & Salvado, J.C. (2012). ES+ Methodology: mapping social entrepreneurship. *ACRN Journal of Entrepreneurship Perspectives* 1(1): 97-110.
- Mohammad Reza Noruzi, Westover, J.H., & Gholam Reza Rahimi. (2010). An exploration of social entrepreneurship in the entrepreneurship era. *Asian Social Science* 6(6): 3-10.
- Mueller, S. (2010). Encouraging Future Entrepreneurs: The effect of entrepreneurship course characteristics on Entrepreneurial Intention. Retrieved from Doctoral Thesis, University of St. Gallen, Online Publication, EDIS: <http://biblio.unisg.ch/www/edis.nsf/wwwDisplayIdentifier/3550>.
- Nga, J.K.H. & Shamuganathan, G. (2010). The influence of personality traits and demographic factors on social entrepreneurship start up intentions. *Journal of Business Ethics* 95:259-282.
- Nicholls, A. & Cho, A.H. (2008). Social entrepreneurship: the structuration of a field. Dlm. Nicholls, A (pnyt). 2008. *Social Entrepreneurship: New Models of Sustainable Social Change*. New York: Oxford University Press.
- Radin Siti Aishah Radin A Rahman, Norasmah Othman, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Hariyaty Ab. Wahid. (2016). Entrepreneurial Intention and Social Entrepreneurship among Students in Malaysian Higher Education. World Academy of Science, Engineering and Technology. *International Journal of Social, Behavioral, Educational, Economic, Business and Industrial Engineering* 10(1): 175-181.
- Seymour, R. G. (2012). *Handbook of Research Methods on Social Entrepreneurship*. Edward Elgar: Cheltenham, UK.
- Sommerrock, K. (2010). *Social Entrepreneurship Business Models: Incentive Strategies to Catalyze Public Goods Provision*. UK: Palgrave Macmillan.
- Suraini Mohd Rhouse, Noor Lela Ahmad, Hariyaty Ab Wahid & Nek Kamal Yeop Yunus. (2016). Social enterprising values among women entrepreneurs. Dlm. Social Entrepreneurship and Community Engagement: Transforming Societies. Institut Sosial Malaysia: Kuala Lumpur.
- Suraiya Ishak & Ahmad Rafflis Che Omar. (2015). Keusahawanan sosial sebagai satu pendekatan inovatif ke arah transformasi sosial masyarakat: Kajian kes di Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 11 (8): 38 – 51.
- Syed Zamberi Ahmad. (2013). The need for inclusion of entrepreneurship education in Malaysia lower and higher learning institutions. *Education + Training* 55(2): 191-203.
- Wang, W-L., Ellinger, A.D, & Wu, Y.C.J. (2013). Entrepreneurial opportunity recognition: an empirical study of R&D personnel. *Management Decision* 51(2): 248-266.
- Verma, A. (2009). *Social Entrepreneurship Management- A New Look at the People and the Potential*. New Delhi: Global India Publications Pvt Ltd.